

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 30.10.2017

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab mengapa kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia yang mempunyai seorang ibu atau bapa kelahiran Malaysia yang berstatus warganegara masih menghadapi pelbagai cabaran dan halangan untuk mendaftar sebagai pelajar di sekolah Kerajaan. Apakah usaha Kerajaan untuk melupuskan budaya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan tanggungjawab menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid warganegara Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. KPM juga tidak pernah menghalang kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap mendapatkan pendidikan di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, kanak-kanak warganegara yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri juga diterima masuk ke

sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan berdasarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil; 1/2009 Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen ke Sekolah** seperti berikut:

1. Mana-mana salah seorang Ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia; dan
2. Surat pengesahan atau surat pengakuan Ketua Kampung bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada warganegara Malaysia.

Murid warganegara yang tidak mempunyai dokumen perlu mendapatkan surat sokongan Ketua Kampung/Penghulu/Ketua Anak Negeri/Pengerusi Jawatankuasa Ketua-ketua Kampung (JKKK)/Pengerusi Jawatankuasa Ketua-ketua Kampung Persekutuan (JKKP) bagi membantu mereka mendapatkan pendidikan di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Selepas memasuki sekolah ibu bapa perlulah berusaha mendapatkan dokumen pengenalan diri yang sah melalui Jabatan Pendaftaran Negara bagi memudahkan mereka menyambung pelajaran mereka ke peringkat seterusnya.